

26 MAY 1998

MAHATHIR DIJADUAL RASMI EMTEK `98

KOTA BAHARU, 26 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan Eksposisi Multimedia, Telekomunikasi dan Elektronik Kelantan 1998 (EMTEK `98), ekspo teknologi maklumat terbesar pernah diadakan di kawasan luar bandar, Jumaat ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Jabatan Penerangan, ekspo itu akan diadakan di Sekolah Menengah Chabang Empat, Tumpat kira-kira 20 km dari sini.

Kira-kira 40 syarikat multimedia seluruh negara akan mengambil bahagian dalam pameran selama enam hari itu dengan Telekom Malaysia menjadi penaja utama.

-- BERNAMA

ZI RON